



# Penduduk Gaza cekal teruskan kehidupan

BERITA HARIAN 22/07/2010 MS 23

## Warga Palestin hidup seperti biasa walaupun berdepan sekatan, dikepung serta ancaman serangan

**M**ENYAMBUT ulang tahun kelahiran bersama warga Palestin tepat jam 12 malam 17 Julai lalu di tepi pantai Gaza, wilayah bergolak yang hanya 18 bulan lalu dihujani letupan bom, roket, bedilan kereta kebal serta tembakan rambang yang membunuh ribuan nyawa tidak berdosa, adalah pengalaman yang tidak pernah sama sekali terlintas sepanjang hayat.

Ditemani kerdipan bintang, de-ruan ombak dan angin sepoi-sepoi bahasa sambil nampak bercahaya dari jauh kapal perang milik tentera Israel yang membentuk formasi menakutkan di tengah laut, sambutan hari jadi kali ini sukar digambarkan dengan kata-kata.

Menyertai misi kemanusiaan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM), sembilan anggota rombongan mulanya dijadual ke Gaza menerusi pintu sempadan Rafah di Mesir, 12 Julai lalu, tetapi segala perancangan tergendala apabila terpaksa melalui pelbagai kerenah dan prosedur yang berubah-ubah menyebabkan kami terkandas empat hari.

Namun berita yang ditunggu-tunggu akhirnya tiba apabila kami dibenarkan memasuki Gaza Jumaat lalu. Tetapi, perjalanan ke Rafah dari Kaheerah sejauh lebih 400 kilometer yang mengambil masa tujuh jam itu tidak semudah disangka.

Sepanjang perjalanan, kami terpaksa menempuh 18 pusat pemeriksaan yang setiap satunya ada saja cabaran yang menguji kesabaran apabila diminta menunjukkan pelbagai dokumen sebelum benar meneruskan perjalanan. Itu tidak termasuk menunggu dua jam di sempadan Rafah hanya untuk menunggu pasport dicop.

Sebaik melepasi pintu sempadan dan mejejakkan kaki di bumi Palestin tepat jam 5.10 petang waktu tempatan, rasa serabut serta-merta hilang apabila kami dilayan bagaikan VIP dan disambut mesra wakil Persatuan Bulan Sabit Merah Palestin (PRCS) dengan hidangan air oren serta sesi bergambar sebagai ucapan selamat datang.

Perjalanan kira-kira 40 minit ke tempat penginapan di Hospital Al-Quds, kami disajikan dengan pemandangan indah laut Gaza yang memukau setiap mata memandang. Cuti musim panas di Gaza menyaksikan kawasan pantai penuh sesak dengan pelbagai aktiviti sehingga membuatkan penulis terkedu kerana Gaza sebenarnya tidaklah seperti yang selalu digambarkan.

Seperkaru lagi yang tidak dapat dilupakan, semua sembilan anggota rombongan termasuk ketua misi dan Naib Pengerusi Kebangsaan PBSM, Datuk Wira Dr Bahari Abu Mansor dan Pengerusi Jawatankuasa Publisiti PBSM, Datuk Ahmad A Talib diberikan penginapan 'kelas pertama' di wad pesakit Hospital Al-Quds yang 18 bulan lalu turut musnah angkara serangan tentera Israel.

Kunjungan ke bandar Gaza pada keesokan hari turut membuka mata penulis kerana ia kelihatan seperti bandar lain yang penuh sesak dengan orang ramai. Malah, jalan raya turut sesak dengan kenderaan termasuk kereta kuda dan keldai sehingga terlupa wilayah ini pernah mengalami kemusnahan teruk tidak lama dulu.

Bagaimanapun, kerosakan pada sebahagian besar bangunan yang masih belum dibaik pulih sehingga kini serta kesan berlubang sana

sini di dinding bangunan, masjid, hotel dan rumah mengingatkan kembali bahawa Gaza pernah berdepan konflik peperangan yang amat dahsyat pada dekad ini.

Sepanjang perjalanan mengelilingi bandar Gaza oleh PRCS yang bertindak sebagai pemandu pelancong kami di sini, masih banyak kesan kemusnahan tidak diperbaiki sama ada disebabkan kekurangan dana atau sekatan Israel terhadap bahan binaan daripada dibawa masuk ke wilayah ini.

Menikmati kuih tradisi masyarakat Arab, falafel sambil bersiar-siar di sepanjang Omar El Mokhtar Street adalah pengalaman yang agak luar biasa kerana kami sendiri tidak pernah terbayang untuk berjalan-jalan di bandar Gaza sambil melihat secara dekat kehidupan sebenar penduduknya.

Setiap kali berjalan, semua mata memandang ke arah kami dan bertanya dari mana kami datang kerana mereka sebenarnya terlalu sukar untuk melihat orang luar memandangkan pelbagai kesukaran untuk memasuki Gaza di samping tidak ramai yang mahu 'melancong' ke wilayah bekas zon perang.

Suasana malam di bandar Gaza juga agak mengejutkan, sehingga jam 10 malam kenderaan masih lagi sesak dan orang ramai dilihat keluar bersama rakan atau ahli keluarga untuk menikmati makan malam di luar tanpa rasa takut.

Selain lawatan ke hospital dan cawangan PRCS di Gaza, anggota rombongan turut dibawa melihat kesan kemusnahan terutama di kawasan berhampiran sempadan Israel.

Menurut seorang penduduk dikenali sebagai Mahmood, pendu-

duk Palestin walaupun yang tinggal di kawasan sempadan tidak boleh melepasi jarak 700 meter dari pintu sempadan Israel atau berdepan tembakan tepat tenteranya.

Mahmood berkata, ketika minggu pertama serangan dilancarkan ke atas Gaza pada Disember 2008, tentera Israel menyerang melalui udara dengan menasaskan balai polis, pejabat kerajaan dan masjid sebelum gerombolan tentera dan kereta kebal memasuki Gaza menggunakan jalan darat dan menembak apa saja objek bergerak di depan mereka.

"Hospital Al-Quds turut menjadi sasaran... ketika itu tentera Israel memberitahu penduduk supaya pergi ke Hospital Al-Quds kerana hospital adalah kawasan selamat. Namun, bila ramai orang berkumpul di situ, mereka melancarkan serangan dari pelbagai arah sehingga menyebabkan ramai yang cedera," katanya.

Musim panas juga adalah musim kenduri kahwin di Gaza. Cuma bezanya, sambutan di wilayah ini lebih meriah apabila pasangan pengantin diarak menaiki kereta mengelilingi bandar sambil diiringi beberapa kereta termasuk sebuah lori yang mengetuai konvoi dengan lagu tradisional dipasang kuat menggunakan sistem pembesar suara sambil beberapa anak muda menari-nari dan melambai ke arah orang ramai dari atas lori.

Apa yang dapat dilihat di depan mata membuatkan penulis kagum terhadap semangat dan kecekalan penduduk Gaza tidak kira sama ada wanita mahupun kanak-kanak. Apa tidaknya, mereka masih mampu bergembira walaupun nasib, masa depan dan tanah air mereka berdepan ranjau berduri.



WALAU PUN dihipit pelbagai sekatan, penduduk Gaza masih mampu berarak mengeliling bandar dengan lori meraikan pasangan pengantin.

ZAHARI ZAKARIA BERITA HARIAN